

INTEGRITY AND GOVERNANCE OF ISLAMIC INSTITUTIONS IN MALAYSIA: CORRUPTION RISK ANALYSIS AND LEGISLATION

INTEGRITI DAN TADBIR URUS INSTITUSI ISLAM DI MALAYSIA: ANALISIS RISIKO RASUAH DAN PERUNDANGAN

HENDUN ABD RAHMAN SHAH*

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
hendun@usim.edu.my

MAHAZAN ABDUL MUTALIB@ TAIB

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
mahazan@usim.edu.my

NATHASA MAZNA RAMLI

Fakulti Ekonomi dan Mualamat, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
nathasa@usim.edu.my

HASNAH HJ HARON

Fakulti Ekonomi dan Mualamat, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
hasnahharon@usim.edu.my

NISAR MOHAMMAD AHMAD

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
nisar@usim.edu.my

ROSLI SHAARI

Universiti Sains Islam Malaysia,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
roslisaari@usim.edu.my

SYAFILA KAMARUDIN
Universiti Putra Malaysia
syafila@upm.edu.my

*Corresponding author: hendun@usim.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 9/4/2025; REVISED – 25/4/2025; ACCEPTED – 8/5/2025)

ABSTRACT

Corruption is a main factor in the collapse of the world's Islamic civilisation. The issue of corruption is rooted in the lack of ethics, integrity and holding of trust values not only in the public sector but also in the corporate sector. The ineffectiveness of methods to combat corruption in various institutions is related to the lack of public knowledge about the crimes of corruption because some of the practices have been considered a norm. The study aims to examine corruption, and the latest issues related to governance, institutional management, as well as corruption risks in three Islamic institutions in Malaysia, namely the Syariah Court institution, the Waqf and Zakat institution, and the Mosque Institution. This study uses a qualitative approach which employs literature studies, Focus Group Discussions (FGDs), Interviews and Surveys on the existing governance system related to corruption risks, related legislation and regulations. The result of the study shows the important to establish a framework for the Islamic Institution Corruption Risk Management Model to curb the spread of corruption crimes, leakages, and inefficiencies in management, governance, and corruption risk services in Islamic institutions. This model can be used to create effective system and good governance. Lastly, this study can be used as a benchmark and an intervention in strengthening integrity, governance and corruption risk, especially in Islamic religious institutions which are seen as having to be an example for other institutions.

Keywords: integrity, governance, corruption risk, Islamic institutions

ABSTRAK

Rasuah adalah isu yang dikatakan menjadi faktor utama kejatuhan tamadun Islam dunia. Isu rasuah ini berakar umbi daripada kepincangan etika, integriti dan pegangan nilai amanah bukan sahaja dalam sektor awam malahan juga sektor korporat. Ketidakberkesanan kaedah memerangi jenayah rasuah dalam pelbagai institusi dikaitkan dengan aspek kurangnya pengetahuan masyarakat terhadap jenayah rasuah kerana sebahagian amalannya telah dianggap sebagai satu kebiasaan. Kajian ini bertujuan meninjau dan mengkaji isu-isu terkini berkaitan tadbir urus, pengurusan institusi, serta risiko rasuah di tiga institusi Islam di Malaysia iaitu institusi mahkamah syariah, institusi wakaf dan zakat, dan institusi masjid. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan pelaksanaan kajian kepustakaan, Perbincangan Kumpulan Terfokus (FGD), Temubual dan Tinjauan terhadap sistem tadbir urus sedia ada berkaitan risiko rasuah, perundangan dan peraturan berkaitan. Hasil kajian menunjukkan kepada keperluan mewujudkan kerangka Model Pengurusan Risiko Rasuah Institusi Islam bagi membendung penularan jenayah rasuah, ketirisan, dan ketidakcekapan perkhidmatan pengurusan, governans, dan risiko rasuah di institusi-institusi Islam. Model ini boleh digunakan bagi mewujudkan sistem dan tadbir urus yang berkesan. Akhir sekali, kajian ini boleh dijadikan sebagai penanda aras dan juga intervensi dalam memperkasa integriti, tadbir urus dan risiko rasuah terutamanya dalam institusi-institusi agama Islam yang dilihat perlu menjadi contoh kepada institusi-institusi yang lain.

Kata Kunci: integriti, tadbir urus, risiko rasuah, institusi Islam

1. PENGENALAN

Rasuah sering dikaitkan dengan ketidakcekapan tadbir urus sesuatu organisasi dan kelemahan integriti ahlinya. Kerosakan jangka panjang yang paling ketara akibat rasuah adalah perpecahan sosial dan kehilangan integriti peribadi (Yusof, Jit & Ridzuan, 2023). Rasuah juga berlaku apabila pegawai awam menyalahgunakan kuasa mereka untuk kepentingan peribadi (Manion, 2004). Secara umumnya, amalan rasuah adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kegagalan pentadbiran, kawalan dalaman yang kurang, ketidakpatuhan terhadap peraturan, konflik kepentingan, ketidakcukupan

dalam agensi penguatkuasaan undang-undang, dan langkah antirasuah yang tidak mencukupi (NACS, 2024).

Walaupun isu rasuah dalam institusi pentadbiran agama Islam seperti jabatan atau majlis agama Islam, mahkamah syariah, dan institusi masjid tidak begitu ketara, namun tidak dinafikan bahawa institusi-institusi ini juga terdedah kepada risiko rasuah terutama jika dilihat dari aspek salah laku tadbir urus dan integriti. Institusi Islam ditubuhkan untuk memainkan peranan membantu masyarakat Islam mentadbir hal ehwal sosial, keadilan dan ekonomi. Namun jika disebabkan rasuah, objektif yang murni ini tersasar, akan mengakibatkan krisis kepercayaan terhadap institusi agama yang serius dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda.

Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Kamal Hasan menterjemahkan rasuah dan hipokripsi sebagai masalah etika dan moral yang disebabkan pemisahan agama daripada etika dalam fikiran cendekiawan dan masyarakatn Islam (Kamal, 2021). Akibatnya, terdapat di banyak negara dan komuniti Islam, termasuk Malaysia, fenomena paradoks iaitu rasuah, penipuan, nepotisme, *double standard*, fitnah, ingkar janji dan pengkhianatan yang dilakukan terutamanya dalam kalangan umat Islam yang berpendidikan. Pada skala makroekonomi, rasuah telah menyebabkan kerugian yang teruk dalam keluaran ekonomi berjumlah RM277 bilion dalam tempoh 2019 hingga 2023. Ini bersamaan dengan 28 tahun Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau hampir menyamai gabungan KDNK Johor dan Pulau Pinang (NACS, 2024). Walaupun berdasarkan data Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), jumlah kes rasuah di Malaysia telah menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan jumlah kesalahan rasuah menurun daripada 919 kes pada 2014 kepada 828 kes pada 2021 (Yusof, Jit, & Ridzuan, 2023), risiko dan kerugian yang disebabkan oleh rasuah masih lagi ketara. Justeru adalah penting untuk kerajaan dan masyarakat terus cakna agar rasuah kekal sebagai isu penting yang perlu dibendung dan lebih banyak kerja perlu dilakukan untuk menangani isu ini dengan lebih berkesan.

Selain itu, terdapat juga kajian menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia umumnya tidak mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai kaedah melaporkan jenayah rasuah, jenis-jenis perbuatan yang dikategorikan sebagai rasuah, serta pengetahuan mengenai undang-undang rasuah yang berkuatkuasa (Akhbar, 2018). Malahan, sebahagian masyarakat Malaysia

dilihat tidak mengetahui bahawa kegagalan untuk melaporkan sebarang bentuk rasuah seperti memberi atau menerima rasuah boleh mengakibatkan mereka didakwa di bawah seksyen 25 (1) dan (2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) (ASPRM 2009). Begitu juga, kebanyakan mereka tidak mengetahui wujudnya Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (*Whistle-Blower Protection Act 2010*) dan juga seksyen 65 ASPRM 2009 (Akhbar, 2018). Justeru, kepincangan dalam memberi pendidikan dan penyampaian maklumat awam adalah perkara penting untuk ditangani terutamanya dalam memperkasa kaedah memerangi jenayah rasuah.

2. KAEDAH KAJIAN DAN LIMITASI

Artikel ini cuba mengupas rasuah dari perspektif Islam dengan menggunakan pendekatan kualitatif dengan pelaksanaan kajian kepustakaan, Perbincangan Kumpulan Terfokus (FGD), Temubual dan Tinjauan terhadap sistem tadbir urus sedia ada berkaitan risiko rasuah, perundangan dan peraturan berkaitan. Dari data yang diperolehi, analisis risiko rasuah dan tadbir urus dilaksanakan terutamanya oleh dalam kalangan institusi Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun artikel ini memgehadkan kajian hanya terhadap tiga institusi iaitu institusi kehakiman syariah, institusi wakaf dan zakat serta institusi masjid di Malaysia.

Rasuah Menurut Perspektif Islam

Estimologi perkataan rasuah berasal daripada bahasa Arab *al-risywah*. Istilah rasuah telah digunapakai dalam bahasa Melayu yang bermaksud pemberian untuk menumbuk rusuk iaitu menyogok, menyuap. Ibn al-Athir dalam *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athr*, (PMWP, 2019) mengatakan *al-risywah* adalah sesuatu yang menghubungkan kepada keperluan/hajat dengan cara pujukan. Islam mengharamkan perbuatan rasuah berdasarkan beberapa ayat al-Quran dan hadis. Antara dalam surah al baqarah ayat 188 Allah SWT berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ
النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan kamu pula menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya). (Al-Baqarah: 188)

Allah juga berfirman dalam surah al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). (Al-Anfal: 27)

Melalui ayat ini, rasuah boleh dikatakan sebagai perbuatan yang mengkhianati amanah atau kuasa yang diberikan. Merujuk hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr R.Anhuma:

لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِي

*Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.
(Riwayat Ahmad-6984 dan Ibnu Majah-2313)*

Hadis kedua diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr R.Anhuma, beliau berkata:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ

*Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah.
(Riwayat Al-Tirmizi-1337)*

Merujuk kepada ayat al-Quran dan hadis di atas, perbuatan menerima dan memberi rasuah adalah perbuatan yang dimurkai oleh Allah SWT kerana perbuatan tersebut adalah perbuatan yang mengambil hak orang lain untuk kepentingan diri sendiri.

Institusi Islam dan Perundangan di Malaysia

Perkembangan semasa institusi Islam seperti jabatan kehakiman syariah, jabatan wakaf, zakat dan haji, dan jabatan-jabatan agama yang menguruskan hal ehwal agama dan masjid-masjid di Malaysia saban tahun adalah memberangsangkan. Dalam aspek kutipan zakat, jumlah kutipan yang diperolehi semakin meningkat. Ini mungkin disebabkan oleh banyak faktor antaranya kaedah pembayaran yang mudah, pengurusan zakat yang semakin cekap, penswastan institusi zakat dan sebagainya. Bagi institusi masjid pula, pengurusan yang cekap dan amanah dan berimpak akan menarik masyarakat Islam melibatkan diri dalam aktiviti di masjid dan menyumbang pembangunan dan aktiviti. Menerusi kajian yang dilaksanakan Mahazan et al. (2020), jumlah kutipan dana masjid bagi solat fardu Jumaat secara purata setiap bulan di sekitar Semenanjung Malaysia ialah RM1,940 bagi negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia, RM5,832 bagi masjid di bahagian tengah Semenanjung Malaysia, RM2,092 di selatan Semenanjung Malaysia, dan RM2,676 di bahagian timur Semenanjung Malaysia. Ini menunjukkan bahawa umat Islam cenderung menyumbang selain dari kewajipan berzakat, berinfaq dan bersedekah. Justeru, dalam meraikan kemurahan hati umat Islam, pengurusan hal ehwal Islam perlu memastikan bahawa sumber-sumber kewangan ini dipantau bagi memastikan tiada ruang dan peluang yang boleh menarik minat individu-individu berkepentingan daripada terlibat dalam salah guna kuasa dan rasuah. Usaha pembasmian atau mengurangkan risiko rasuah ini penting bagi memastikan dana awam dan kerajaan yang ditadbir institusi masjid kekal telus dan dipercayai.

Dari segi perundangan, Perlembagaan Malaysia menetapkan bahawa pentadbiran undang-undang Islam adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Badan perundangan negeri atau Dewan Undangan Negeri mempunyai bidang kuasa untuk menggubal dan meluluskan enakmen perundangan berkaitan hal ehwal Islam di negeri masing-masing. Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) membuat undang-undang seperti yang terdapat dalam Senarai Dua, Jadual Kesembilan. Senarai perkara yang termasuk dalam bidang kuasa hal ehwal Islam di negeri antara lain mencakupi undang-undang berkaitan perkahwinan, harta pusaka, wakaf, zakat dan lain-lain. Justeru, bolehlah dianggap undang-undang Islam di Malaysia adalah bersifat *territorial*, iaitu pelaksanaan dan penguatkuasaannya adalah di dalam sempadan negeri yang

membuat undang-undang tersebut (Mohamed Adil, 2021). Keunikan undang-undang Islam di Malaysia yang memberi kuasa kepada negeri-negeri untuk mentadbirkan perkara-perkara berkaitan hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam telah menyebabkan setiap negeri di Malaysia mempunyai undang-undang dan kaedah tersendiri dalam pengurusan mahkamah, kutipan dan pengagihan zakat dan juga pengurusan waqaf dan masjid.

Sistem tadbir urus yang berbeza mengikut negeri juga menyebabkan mekanisme dan kaedah mengatasi risiko rasuah adalah berbeza di setiap negeri. Maka apa-apa usaha untuk memastikan setiap negeri mematuhi atau mengikuti apa-apa ketetapan yang dibuat oleh pihak Persekutuan perlulah mendapat perkenan dari Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) oleh beberapa agensi agama dengan mengambil kira saranan daripada pihak SPRM adalah langkah yang baik untuk meningkatkan integriti dalam tadbir urus di organisasi masing-masing sekali gus menutup ruang-ruang yang boleh membawa kepada risiko berlakunya rasuah dan salah guna kuasa.

Undang-Undang dan Polisi Membanteras Rasuah di Malaysia

Sebagai sebuah institusi berlandaskan keadilan sosial, ekonomi dan pembangunan syiar Islam mahkamah syariah, pusat zakat dan wakaf serta masjid memainkan peranan penting dalam menonjolkan penghayatan integriti, etika dan akhlak Islamiyyah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Ini adalah sangat penting bagi meminimum risiko rasuah dalam kalangan pentadbir dan pengurus institusi ini. Sejak dari dahulu, terdapat banyak institusi yang ditubuhkan di Malaysia yang bertujuan untuk membangun dan memperkuat infrastruktur antirasuah seperti Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang ditubuhkan pada tahun 1967, Biro Pengaduan Awam, Pejabat Ketua Audit Negara, Jawatankuasa Kira-kira Awam, Polis, Pejabat Peguam Negara, dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan Pusat Governors, Integriti Dan Antirasuah Nasional (GIACC).

Strategi Antirasuah Kebangsaan (NACS) adalah pendekatan terbaru yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam mencapai agenda memerangi rasuah. Ia

merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP) yang mula dibangunkan pada 2019 sebagai pelan komprehensif untuk mengintegrasikan usaha dalam menangani isu-isu berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah. Pada tahun 2020, NACP telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor tidak langsung yang menyumbang kepada kejayaan Malaysia dalam meningkatkan reputasinya dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) pada tahun 2019 di mana Malaysia melonjak ke kedudukan ke-51 berbanding kedudukan ke-61 dari 180 buah negara pada 2018. Ini menandakan prestasi antarabangsa yang paling ketara dan terbaik negara dalam penarafan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) untuk Malaysia dalam tempoh lebih 20 tahun.

Terdapat juga beberapa undang-undang yang berkaitan dengan jenayah rasuah termasuklah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Kanun Keseksaan, Akta Kastam 1954, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 (Peraturan 8 Dan Peraturan 9) dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008.

i) **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009)**

Tafsiran suapan dinyatakan secara khusus dalam seksyen 3 ASPRM 2009. Secara ringkasnya, suapan boleh dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun. Suapan diguna pakai ke atas orang awam yang melakukan rasuah terhadap mana-mana pegawai awam atau swasta. Suapan juga terpakai ke atas pegawai badan awam. Pegawai badan awam ialah mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima saranan daripada wang awam, dan jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seseorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu.

Terdapat beberapa kesalahan rasuah dalam akta ini. Termasuklah kesalahan menerima suapan (seksyen 16 ASPRM 2009), kesalahan memberi atau menerima suapan daripada ejen (seksyen 17 ASPRM

2009), kesalahan dengan maksud untuk memperdayakan prisipal oleh ejen (seksyen 18 ASPRM 2009), kesalahan menyogok pegawai badan awam (seksyen 21 ASPRM 2009), kesalahan menyogok pegawai asing (seksyen 22 ASPRM 2009) dan kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan (salah guna kuasa) untuk menerima suapan (seksyen 23 ASPRM 2009). Hukuman bagi kesalahan rasuah di bawah seksyen 16, 17, 18, 21, 22 dan 23 ASPRM 2009 ialah merujuk kepada seksyen 24 ASPRM 2009 iaitu penjara tidak melebihi 20 tahun atau denda lima kali ganda daripada nilai suapan atau RM10,000 mana yang lebih tinggi.

Menurut undang-undang Malaysia yang terkandung dalam seksyen 3(a), (b) dan 4(a)(b), Akta Pencegahan Rasuah 1961 (Pindaan 1971) telah mentafsirkan rasuah sebagai menerima atau memberi apa-apa suapan sebagai dorongan, upah atau galakkan kepada seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan atau untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan yang ada hubungan dengan prinsipalnya. Menurut Mohammad Ezam dan Sapto Waluyo (2010), rasuah ialah ketika seseorang yang diberi kuasa untuk bertindak atas nama kepercayaan untuk melakukan sesuatu perbuatan, tetapi perkara sebaliknya dilakukan, maka orang itu telah melakukan pengkhianatan amanah. Di Malaysia, rasuah juga dikenali sebagai pelincir, kaw-tim, duit kopi, duit minyak, makan suap, tumbuk rusuk, bunga emas dan *under counter money* (SPRM, 2020).

ii) **Kanun Keseksaan**

Seksyen 165 Kanun Keseksaan menyatakan menjadi kesalahan ke atas penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa pembicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu.

iii) **Akta Kastam 1954**

Merujuk kepada seksyen 137 Akta Kastam 1967, diperuntukkan kesalahan pegawai kastam atau orang yang diambil bekerja untuk mencegah penyeludupan menerima sogokan atau rasuah termasuklah berbentuk hadiah berhubung dengan kes pelepasan cukai. Hukuman kesalahan ini ialah penjara tidak melebihi lima tahun atau denda tidak melebihi

RM10,000 atau kedua-duanya sekali. Jika pelaku adalah pegawai dalam perkhidmatan awam, jawatan pelaku akan ditahan.

iv) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954

Bahagian III, seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 memperuntukkan kesalahan rasuah iaitu memberi, menawarkan, menjanjikan atau berjanji untuk mendapatkan wang atau balasan yang bernilai termasuk hadiah atas tujuan yang berkaitan dengan urusan mengundi seperti pencalonan dan pengundian calon.

v) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Peraturan 8 dan Peraturan 9)

Peraturan 8 menyatakan bahawa seorang pegawai tidak boleh menerima rasuah kepada dirinya atau suami/isterinya atau bagi pihaknya daripada sesiapa dengan tujuan yang berkaitan dengan tugas rasminya. Peraturan 9 pula menyatakan bahawa seorang pegawai boleh menerima apa-apa jenis keraian jika keraian tersebut tiada kaitan dengan tugas rasminya atau berkaitan dengan kepentingan orang yang memberi keraian tersebut.

vi) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998)

Perkara 4 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008 memperuntukkan Pindaan Perenggan 18 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998. Pindaan tersebut menyatakan bahawa jabatan kerajaan dibenarkan menerima hadiah daripada pihak swasta atau mana-mana pihak lain. Tetapi mesti mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Ketua Setiausaha Kementerian atau pegawai pengawal.

Risiko Rasuah dalam Institusi Mahkamah Syariah, Wakaf, Zakat dan Masjid di Malaysia

Risiko rasuah boleh didefinisikan sebagai sesuatu keadaan dalam atau di luar organisasi yang berpotensi memberi impak serta menghalang organisasi daripada mencapai objektifnya, menyampaikan perkhidmatannya,

melaksanakan atau menjalankan projek dengan sebaiknya. Kelemahan dalam melaksanakan peraturan dan polisi organisasi akan memberi peluang kepada pekerja untuk terlibat dalam rasuah. Risiko rasuah sering diperlakukan secara berbeza daripada risiko lain kerana terdapat dimensi moral untuk rasuah dan yang melibatkan reputasi organisasi. Kegagalan menguruskan risiko rasuah dalam organisasi boleh meningkatkan amalan rasuah. Langkah penting yang dilakukan oleh organisasi adalah untuk meningkatkan pemahaman pekerja terhadap peraturan dan polisi organisasi untuk memastikan organisasi tetap prihatin dalam mengurangi risiko rasuah. Pemahaman mengenai dasar antirasuah akan membantu pekerja mengenal pasti, melaporkan dan akhirnya membasmi rasuah daripada organisasi (Petry, 2016).

Dalam sebuah organisasi, adalah penting bagi pasukan pengurusan untuk memahami dengan jelas mengenai peraturan dan dasar rasuah, dan mengenal pasti kelemahan dalam sistem yang boleh menyumbang peluang untuk rasuah (McDevitt, 2011). Sekiranya ianya tidak dapat dikenal pasti dan ditangani dengan baik, amalan rasuah akan semakin meruncing dan menjadi budaya kerja yang sukar dielakkan. Walaupun isu berkaitan penyelewangan wang dan salah guna kuasa dalam institusi agama adalah tidak begitu ketara, namun risiko rasuah yang wujud perlu kepada tindakan pembanterasan dan kawalan selari dengan amalan anti rasuah yang dilaksanakan kepada institusi-institusi lain dalam negara.


Tinjauan kepada laporan di media menunjukkan terdapat banyak laporan berkaitan rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa yang berlaku dalam institusi agama termasuk institusi mahkamah syariah. Sebagai sebuah institusi yang dilihat menjadi cerminan kepada imej keadilan dan perundangan Islam adalah tidak wajar sekiranya mereka yang terlibat dalam institusi ini sama ada sebagai hakim, peguam dan kakitangan membuat salahlaku rasuah. Sebagai contoh, menurut laporan media Awani (25 Mei 2023) seorang hakim syariah didakwa rasuah menerima untuk diri sendiri suapan RM4,000 daripada seorang lelaki, lans koperai sebagai dorongan untuk dia membuat keputusan melepaskan kes khalwat yang memihak kepada lelaki itu berkaitan kes mengikut Seksyen 54(1) (2) Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 (khalwat) pada 10 September 2019 di sebuah restoran.

Bagi contoh kes pecah amanah dalam pengurusan masjid pula, terdapat banyak laporan kes berkaitan. Aduan dan tangkapan kes ini telah menimbulkan persepsi negatif terhadap pengurusan masjid. Sebagai contoh, kira-kira 47 kes tangkapan di masjid telah dibuat; 33 kertas siasatan telah dibuka dan sedang disiasat di bawah ASPRM 2009. Sebagai contoh dalam *Rakyat News* (5 November 2024) melaporkan bahawa seorang pengerusi masjid telah direman selama enam hari selepas dipercayai terlibat dalam mengemukakan senarai nama penerima zakat asnaf berstatus miskin yang tidak layak (termasuk nama isterinya) kepada sebuah badan kebajikan swasta. Manakala bagi kes pengurusan wang zakat dalam institusi, *Media BH* (4 Januari 2024) melaporkan bahawa polis menyiasat sebuah syarikat dilantik sebagai ejen kutipan zakat oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) selepas disyaki menyeleweng kutipan zakat sebanyak RM9.62 juta. Siasatan dijalankan selepas syarikat terbabit dipercayai gagal mendepositkan wang zakat bermula Mac hingga September 2023. Kes tersebut adalah antara empat kes jenayah pecah amanah berkait kutipan zakat sepanjang tahun 2023 selain dua kes lain direkodkan di Selangor diikuti satu kes di Terengganu selain satu kes di Perak dengan jumlah keseluruhan kerugian berjumlah RM9.71 juta.

Berdasarkan kajian FGD (2021), terdapat tiga bidang risiko telah dikenalpasti penulis yang berkait rapat dengan amalan semasa pengurusan, tadbir urus, polisi dan undang-undang di institusi Islam. Tiga bidang risiko tersebut ialah operasi, strategik, dan kewangan.

- 1) Risiko operasi: Risiko yang wujud akibat daripada kelemahan proses kerja (sebagai contoh aspek latihan dan sistem kawalan sumber manusia), dan sistem teknologi maklumat, sistem kawalan (contohnya proses kerja yang tidak lengkap, gagal mematuhi proses, dan pengurusan sumber manusia yang tidak baik dan tidak mengikut SOP dalam perolehan).
- 2) Risiko strategik: Risiko yang wujud akibat daripada perubahan dasar, kepimpinan organisasi, persekitaran, sosioekonomi dan politik atau kegagalan mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik.
- 3) Risiko kewangan: Risiko berkaitan dengan kewangan, transaksi, penipuan dan kecairan.

BIDANG RISIKO BERLAKUNYA RASUAH



Rajah 1: Tiga Bidang Risiko Tertinggi di Institusi Mahkamah Syariah, Wakaf, Zakat dan Masjid

Bidang risiko dan jenis rasuah adalah saling berkaitan misalnya sebuah syarikat ingin mendapatkan tender daripada institusi zakat dengan cara menyediakan komisen kepada pegawai yang bertanggungjawab. Untuk mengurangkan risiko rasuah ini berlaku di bidang berisiko seperti perolehan, adalah penting untuk seseorang pegawai di institusi zakat tersebut berintegriti tinggi.

Untuk mengelakkan rasuah menjadi barah dalam organisasi, ketua jabatan atau agensi perlu melakukan kajian yang serius mengenai risiko rasuah dalam jabatan atau agensi. Pengenalpastian risiko rasuah merangkumi kajian terhadap persekitaran kerja yang berisiko, jawatan yang berisiko dan individu yang berisiko. Jabatan Perolehan contohnya mestilah mematuhi sepenuhnya peraturan yang berkuatkuasa. Setiap peraturan kewangan bertujuan bagi menjamin integriti sesuatu perolehan. Ketua jabatan atau agensi mesti memastikan peraturan kewangan tidak dimanipulasi demi untuk mempercepatkan sesuatu proses perolehan. Contoh manipulasi adalah memecah kecil perolehan, pembelian barangan tambahan dalam sesuatu perolehan aset dan menaikkan harga barang untuk menampung kos lain.

Dalam kajian penulis, beberapa institusi agama seperti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak telah menggariskan beberapa inisiatif untuk membanteras rasuah di peringkat

organisasi dengan bekerjasama dengan bahagian CRM SPRM melalui Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (OACP). Pelan ini dibangunkan oleh SPRM untuk membantu organisasi di dalam melaksanakan penambahbaikan berdasarkan dasar dan perundangan, sistem dan prosedur kerja, nilai-nilai murni dan kod etika, kaedah pengesanan, punitif dan pemulihan serta mekanisme pengiktirafan dan penghargaan. Prosedur operasi standard (SOP) sistem pengurusan kewangan, terutama dari segi membezakan kuasa budi bicara selalu disalahgunakan perlu diteliti semula (semua prosedur hendaklah dipatuhi dan tiada pengecualian).

Melalui dapatan FGD yang telah dilaksanakan, sebagai rumusan risiko, dapat dilihat bahawa risiko operasi ialah risiko yang tertinggi di dalam institusi Islam berbanding dengan risiko lain. Manakala, Jadual 1 menunjukkan perbandingan risiko rasuah antara dapatan FGD dan dapatan soal selidik. Bagi dapatan soal selidik, risiko kewangan adalah yang tertinggi, diikuti risiko operasi dan strategik. Perbezaan dapatan FGD dan soal selidik adalah kerana faktor responden. Responden FGD lebih tertumpu kepada wakil yang sesuai untuk menjawab soalan mengenai tadbir urus dan isu rasuah bagi institusi masing-masing. Manakala, responden soal selidik adalah lebih umum iaitu melibatkan mana-mana staf yang bekerja di institusi mahkamah syariah, institusi wakaf dan zakat, serta masjid.

Jadual 1: Perbandingan Risiko Rasuah Melalui Kekerapan FGD dan Soal Selidik

Risiko Rasuah	Kekerapan dari FGD	Dapatan Soal Selidik
Operasi	18	74.4% dari responden bersetuju Risiko Operasi berlaku di institusi Islam
Kewangan	12	87.2% dari responden bersetuju Risiko Kewangan berlaku di institusi Islam
Strategik	3	64% dari responden bersetuju Risiko Strategik berlaku di institusi Islam

Kajian menunjukkan bahawa rasuah terjadi disebabkan oleh punca kecuaiian dan sikap tidak jujur oleh pekerja yang diamanahkan dalam tugas sehingga menyebabkan berlakunya risiko dari segi operasi, strategik, dan kewangan walaupun institusi mahkamah syariah, wakaf dan zakat serta masjid mempunyai pengurusan dan tadbir urus yang telah sedia ada.

Kajian ini juga mendapati bahawa amalan pengurusan, tadbir urus, polisi serta undang-undang berkaitan rasuah yang dilaksanakan oleh mahkamah syariah, wakaf dan zakat serta masjid mempunyai perbezaan berkenaan amalan mencegah rasuah di dalam organisasi tersebut. Seperti yang dimaklumkan oleh institusi mahkamah syariah, pelaksanaan iaitu pertukaran staf/pegawai tidak dapat dilaksanakan dengan kerap untuk mengelakkan risiko rasuah kerana pegawai yang terhad/ atau bukan dalam sistem guna sama.

Bagi memerangi isi-isu berkaitan rasuah ini, pengurusan organisasi perlu lebih proaktif melaksanakan usaha bagi pencegahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Pihak dalaman organisasi perlu mengambil tanggungjawab lebih besar bagi mencegah rasuah dan mengukuhkan integriti warga kerja agar melaksanakan urusan organisasi dengan lebih jujur dan amanah. Asas kepada program antirasuah holistik ialah penilaian risiko rasuah, iaitu proses mengenal pasti, menganalisis, menilai dan mengutamakan risiko rasuah dalaman serta luaran organisasi. Operasi dan aktiviti jabatan perlu dinilai bagi mengenal pasti risiko serta kawalan bersesuaian bagi menyekat dan menutup ruang dan peluang rasuah. Sistem audit kualiti dan pelaporan kewangan yang sistematik berperanan sebagai sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi yang dapat menjamin ketelusan tadbir urus sesebuah organisasi (Hasnah Haron, 2004). Masalah ketirisan yang berlaku ini juga berpunca daripada pelbagai faktor antaranya ialah sikap segelintir pegawai yang tidak berintegriti ketika menjalankan tugas. Berlakunya kes-kes seperti ini juga menunjukkan kelemahan pengurusan dan ketidakjujuran individu masih berlaku di mahkamah syariah walaupun mempunyai polisi, peraturan, tadbir urus dan undang-undang.

Persamaan kes-kes rasuah yang berlaku di antara mahkamah syariah dan jabatan agama, wakaf dan zakat menunjukkan penglibatan pekerja di pihak bawahan hingga atasan sentiasa berlaku di dalam jabatan masing masing. Akibat daripada keberanian individu yang melakukan kesalahan seperti penerima rasuah dalam jual beli tanah wakaf atau menerima barangan

berharga, pecah amanah, tuntutan palsu, menyalahguna kuasa, dan penyelewengan wang telah mengakibatkan jabatan ini mengalami kerugian sejumlah wang yang disalurkan oleh pihak kerajaan atau pihak tertentu. Orang ramai juga boleh hilang kepercayaan untuk memberikan dana atau sumbangan seperti wakaf dan zakat terhadap jabatan dan institusi ini. Walaupun, penangkapan pesalah terhadap isu-isu seperti ini berjaya dikesan dan diberi hukuman sewajarnya seperti denda, penjara atau kedua-dua sekali tetapi kes rasuah ini masih tidak berjaya lagi dihapuskan daripada berlaku di institusi ini. Ini menunjukkan kes rasuah yang berlaku dalam institusi agama seperti mahkamah syariah, wakaf dan zakat serta masjid sentiasa menjadi perhatian. Oleh itu, adalah amat wajar untuk institusi agama terutamanya pihak pengurusan organisasi memastikan tadbir urus dan pengurusan risiko rasuah dapat dilaksanakan dengan cekap dan tegas.

3. KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan, terdapat tujuh teras yang perlu diberikan perhatian dalam mengurus risiko dan menangani rasuah. Ia boleh dijadikan model pengurusan risiko rasuah institusi Islam yang boleh digunakan bagi mewujudkan sistem dan tadbir urus yang berkesan. Tujuh teras tersebut adalah pengenalpastian risiko rasuah, akauntabiliti dan ketelusan, kepimpinan, undang-undang, pendidikan dan kesedaran, penggunaan teknologi maklumat dan sistem kawalan dalaman.

Salah satu cadangan dalam pengurusan risiko rasuah adalah menggunakan model Pengenalpastian Risiko Rasuah (Corruption Risk Management-CRM). Ia sangat penting bagi menangani jenis-jenis risiko yang wujud seperti risiko operasi, risiko strategik dan risiko kewangan yang berlaku di mahkamah syariah, wakaf dan zakat serta masjid. CRM ialah salah satu proses pengurusan untuk membantu sesebuah institusi mengenal pasti kelemahan struktur yang membuka ruang dan peluang berlakunya rasuah, menyediakan rangka kerja untuk mengenal pasti faktor risiko dan penyelesaiannya yang melibatkan semua warga, serta menerapkan elemen pencegahan rasuah dalam rangka tadbir urus yang mantap. Melalui strategi pengurusan risiko ini, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat dikenal pasti oleh mahkamah syariah, wakaf dan zakat serta masjid dengan merangka pelan tindakan yang perlu dilaksanakan untuk membendung masalah tersebut. Dari aspek undang-

undang pula, walaupun bidang kuasa pengurusan mahkamah syariah, wakaf, zakat dan masjid adalah di bawah kuasa negeri-negeri yang menunjukkan ketidakseragaman pengurusan dan model yang digunakan oleh sesebuah negeri, institusi-institusi boleh mengambil model, amalan baik dan garis panduan anti rasuah yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan seperti National Anti-Corruption Strategy 2024-2028 (NACS) dalam pengurusan operasi, kewangan dan perancangan strategik. Penekanan kepada aspek akauntabiliti, kepimpinan, penggunaan teknologi maklumat dan kawalan dalaman termasuk pemantauan melalui audit dan kualiti mengikut kesesuaian organisasi dan institusi dapat menjamin pengurusan risiko rasuah yang lebih berkesan dan cekap (Belay 2007; Cohen & Sayag, 2010). Strategi Antirasuah Kebangsaan (NACS) merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP) yang mula dibangunkan pada 2019 sebagai pelan komprehensif untuk mengintegrasikan usaha dalam menangani isu-isu berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Oleh itu, kajian ini memberi cadangan strategi menangani risiko rasuah seperti memberi kesedaran kepada semua staf kesan rasuah akibat terlibat dengan rasuah dan hukuman yang dikenakan. Selain itu, staf juga dikehendaki berani melaporkan kes rasuah, salah guna kuasa, pecah amanah kepada SPRM juga melaksanakan cadangan dari segi memahami Tatacara Mencukupi iaitu garis panduan dan prinsip-prinsip berkaitan pengurusan atasan, analisis risiko, pelaksanaan langkah kawalan, pemantauan penilaian dan penguatkuasaan secara sistematik, latihan dan komunikasi; seperti mana termaktub di bawah subseksyen (5) seksyen 17A ASPRM 2009 bagi membantu organisasi memahami Tatacara Mencukupi untuk dilaksanakan bagi mencegah amalan jenayah rasuah dan mempersiapkan organisasi dengan kewajipan baharu ini yang akan membawa kepada keuntungan dan kebaikan kepada organisasi.

Manakala, cadangan untuk mengatasi risiko kewangan dan risiko operasi adalah dengan melaksanakan penguatkuasaan pematuhan undang-undang yang tegas agar dapat dilaksanakan secara adil dan saksama di mahkamah syariah, wakaf dan zakat serta masjid. Selain itu, keberkesanan sistem perundangan dapat ditingkatkan selaras dengan perkembangan teknologi dan peredaran masa serta budaya integriti yang telah menjadi amalan warga kerja. Pelaksanaan pengurusan strategi yang berkesan dapat mengelakkan ketirisan atau penipuan pengurusan bantuan dalam bentuk wang, tidak salah

dalam menggunakan kuasa untuk mendapatkan tender, pengurusan tabung kutipan bagi tujuan pembinaan dengan rekod yang lebih sistematik.

Cadangan pengambilan pekerja yang harus mempunyai integriti diri dan kawalan integriti; merujuk kepada individu yang boleh dipercayai, tidak mengambil kesempatan dengan kedudukan diperoleh untuk kepentingan peribadi serta menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin, jujur dan tidak mungkir janji. Dengan menjaga maruah diri seperti mengamalkan sikap yang boleh dipercayai oleh orang lain dalam menjalankan tanggungjawab diberi, bersifat jujur, tidak pecah amanah, tidak berasuah, tidak menyeleweng dan tidak menyalahgunakan kuasa adalah juga merupakan ciri-ciri yang boleh mengurangkan berlakunya rasuah di mahkamah syariah, wakaf dan zakat serta masjid.

Selain itu, institusi Islam hendaklah memastikan pendidikan dan kesedaran diberikan kepada kakitangan institusi Islam dengan memperbanyakkan kempen integriti dan etika. Antara perkara yang boleh dilakukan untuk pengurusan risiko rasuah yang baik termasuk mengadakan kursus memerangi rasuah dan menyatakan kesan akibat daripada mengambil rasuah, mengadakan program-program kesedaran sebagai peringatan, pelantikan pengurusan tertinggi yang mempunyai nilai-nilai murni dan berintegriti supaya menjadi contoh kepada kumpulan sokongan, mewujudkan pusat integriti di institusi Islam dengan melantik Pegawai Integriti Bertauliah yang berperanan merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program integriti serta berani melaporkan sebarang pelanggaran integriti akan juga dapat mengurangkan gejala rasuah, membangunkan polisi berkaitan pengurusan yang cekap dan tindakan yang pantas apabila mengetahui ada pihak yang terlibat rasuah dan menerapkan nilai integriti kepada semua pegawai dan kumpulan sokongan untuk membenci rasuah. Dalam membina institusi yang kukuh, tindakan menolak rasuah adalah salah satu usaha penambahbaikan yang berterusan. Justeru hasrat sesebuah institusi terutamanya institusi Islam untuk membanteras rasuah perlu dilaksanakan di setiap peringkat dalam organisasi dengan kerjasama semua pihak. Institusi agama juga wajar untuk bekerjasama dengan agensi seperti SPRM dalam merangka dan membangunkan dasar dan polisi khusus untuk organisasi mereka bagi memastikan rasuah dan risikonya dapat ditangani dengan cekap dan berkesan.

4. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Pusat Governans, Integriti Dan Antirasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri kerana telah menaja kajian ini melalui projek Geran Penyelidikan Agensi Kerajaan, bertajuk “Kajian Pengurusan Tadbir Urus dan Risiko Rasuah Institusi Mahkamah Syariah, Wakaf, Zakat, dan Masjid di Malaysia.’

5. RUJUKAN

- Abd Razak Mohd Ali. (2023, May 25). Bekas hakim Mahkamah Syariah, polis didakwa minta rasuah. *Astro Awani*. Retrieved from <https://www.astroawani.com>
- Akhbar Satar. (2018). *Corruption and crime in Malaysia*. Kuala Lumpur: Akhbar & Associates.
- Corruption Perception Index. (2020). Transparency International. Retrieved from <https://www.transparency.org/en/cpi/2020/index/mys>
- Hasnah Haron, Chambers, A., Ramsi, R., & Ismail, I. (2004). The reliance of external auditors on internal auditors. *Managerial Auditing Journal*, 19(9), 1148-1159.
- Hassan, M. K. (n.d.). *Cancer of corruption and pandemic of hypocrisy in Malay Muslim politics: The urgency of moral-ethical transformation*. Retrieved from <https://www.iium.edu.my/media/70801/CANCER%20OF%20CORRUPTION.pdf>
- Mahazan Abdul Mutalib, Abdullah Abd Ghani, Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali, Muhammad Hashim, Nisar Mohamad Ahmad, Zaharudin Zakaria, & Azman Abd Rahman. (2016). *Masjid dan pembangunan komuniti bandar dan luar bandar*. Nilai: USIM Press.
- Malaysia Anti-Corruption Commission. (2015). *Arrest statistics 2015*. Retrieved from <http://www.sprm.gov.my/index.php/en/enforcement/statistics-on-arrests>
- Manion, M. (2004). *Corruption by design: Building clean government in mainland China and Hong Kong*. Harvard University Press.
- McDevitt, A. (2011, July). *Corruption risk assessment topic guide*. International Transparency. Retrieved from https://knowledgehub.transparency.org/assets/uploads/kproducts/Corruption_Risk_Assessment_Topic_Guide.pdf
- National Anti-Corruption Strategy (NACS) 2024-2028.
- Nor Azizah Mokhtar. (2024, January 4). Polis siasat empat kes seleweng duit zakat RM9.7 juta. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *AL-KAFI #1237: Rasuah sudah menjadi budaya rakyat Malaysia?* Retrieved from <https://muftiwp.gov.my>
- Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.
- Petry, E. (2016, February). *2016 trends #9: Cynicism, fatigue and compliance*

- pushback: A problem we can no longer ignore*. Retrieved from <https://www.navexglobal.com/blog/article/2016-trends-9-cynicism-fatigue-andcompliance-pushback-problem-we-can-no-longer-ignore/>
- Prime Minister's Department. (2019). *National anti-corruption plan 2019-2023*. Retrieved from https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/National-Anti-Corruption-Plan2019-2023_.pdf
- Prime Minister's Department. (2024). *National anti-corruption strategy (2024-2028)*. Retrieved from [strategi-pembanterasan-rasuah-nasional-2024-2028--en-08052024.pdf](https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2024/07/strategi-pembanterasan-rasuah-nasional-2024-2028--en-08052024.pdf)
- Rakyat News. (2024, November 5). [*Tajuk artikel tidak dinyatakan*].
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). *CRM SPRM lihat CRM-RISALAH.pdf*.
- Yusof, M. H., Jit, K., & Ridzuan, A. R. (2023). The impact of corruption on economic growth in Malaysia. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 10(6.2), 25-43.